

The Phenomena of Language Politeness in the novel entitled *Lentera Mustika*

Fenomena Kesantunan Bahasa Dalam Novel Lentera Mustika

Mohd Haniff Mohammad Yusoff¹, Siti Hamira Hamzani² & Rohaya Md. Ali³

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

Kolej Sastera dan Sains Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, MALAYSIA

Authors' email: haniffyusoff25@gmail.com¹, hshamira@ymail.com², aya@uum.edu.my³

Published: 7 September 2018

ABSTRACT

Language politeness can be defined as the ways in which language is employed in conversation with good manners and etiquette. This aspect should not only be emphasized in society, but also in novel writing. The purpose of this article is to identify and explain the politeness maxims used by the author in the novel Lentera Mustika. This language politeness seems to be very significant as novels nowadays have been the most popular genre of literature to read among Malaysians. Hence, this study will use the novel Lentera Mustika by Nisah Haron (2009) published by PTS Litera as research data. The study will also adapt Leech's Politeness Principle (1983) for data analysis. Findings show that this novel has fulfilled the maxims of politeness proposed by Leech and portrayed that the use of good and polite language in writing can indirectly educate readers to adapt politeness in their communication.

Keywords: Leech's Politeness Principle, Language Politeness

ABSTRAK

Aspek kesantunan berbahasa merupakan penggunaan bahasa yang sopan dan beradab. Aspek ini bukan sahaja perlu dititikberatkan dalam kalangan masyarakat tetapi dalam penulisan juga termasuk penulisan novel. Makalah ini bertujuan mengenal pasti dan menjelaskan maksim kesantunan yang digunakan oleh penulis dalam novel Lentera Mustika. Kesantunan berbahasa dalam penulisan novel dilihat sangat penting kerana novel merupakan genre sastera yang kian berkembang dan menjadi bahan bacaan utama golongan pembaca di Malaysia. Oleh itu, penelitian ini akan menjadikan novel Lentera Mustika oleh Nisah Haron (2009) terbitan PTS Litera sebagai data kajian. Penelitian akan menggunakan Prinsip Kesantunan Leech (1983) bagi memperoleh hasil dapatan. Hasil dapatan memperlihatkan novel ini memenuhi maksim kesopanan yang dianjurkan oleh Leech. Penggunaan bahasa yang santun dan baik dalam penulisan karya secara tidak langsung dapat mendidik pembaca untuk turut menggunakan bahasa yang sopan dan baik ketika berkomunikasi.

Kata kunci: Prinsip Kesantunan Leech, kesantunan berbahasa

eISSN: 2550-214X © 2018. The Authors. Published for Idealogy Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Kesantunan berbahasa merupakan perkara yang menarik untuk dibincangkan dalam kalangan penyelidik bahasa kerana bahasa turut mengalami proses perkembangan mengikut peredaran masa. Fenomena ini secara tidak langsung memberi impak yang positif dari segi penambahan bilangan kosa kata dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sikap berwaspada harus diambil kerana pengaruh daripada bahasa asing dapat mempengaruhi pengungkapan kata-kata yang tidak sopan, sekali gus tidak menggambarkan norma masyarakat Timur yang terkenal dengan luhur budinya pada mata masyarakat. Hal ini kerana bahasa yang digunakan adalah salah satu alat untuk mengukur rohani dan keperibadian

seseorang. Bak peribahasa, ‘bahasa jiwa bangsa’.

Asmah Omar (2002) menjelaskan kesantunan bahasa adalah penggunaan bahasa harian yang tidak menyenggung pihak pendengar. Awang Sariyan (2007) pula menyatakan kesantunan bahasa merupakan penggunaan bahasa yang halus, memancarkan keindahan peribadi penutur dan memberi penghormatan kepada pihak yang menjadi lawan tuturnya. Zaitul Azma Zainon Hamzah (2012) pula berpendapat bahawa kesantunan berbahasa adalah “penggunaan bahasa yang lemah lembut, santun, sistematis, teratur, jelas dan tidak menyenggung perasaan pendengar.” Tambahnya lagi, pengungkapan bahasa yang sopan dapat menyerlahkan kecantikan peribadi penutur manakala pengungkapan bahasa berbentuk provokasi, ejekan, cacian, sarkastik atau menjatuhkan orang lain hanya akan mencerminkan peribadi yang buruk.

Berdasarkan pandangan tersebut dapat didefinisikan bahawa kesantunan berbahasa adalah penggunaan bahasa yang elok dan sedap didengari serta tidak menyenggung perasaan lawan tutur. Hal ini termasuklah kesantunan dalam penulisan sama ada secara formal atau tidak formal (Faridah Nazir, Ratna Laila Shahidin & Faiziah Shamsudin, 2014). Contohnya, dalam penulisan novel yang penerbitannya di Malaysia kian berkembang pesat. Bilangan penulis juga kian bertambah. Seiring dengan peningkatan ini, industri buku di Malaysia turut dilihat sedang melalui proses perkembangan yang positif. Fakta ini dapat dibuktikan apabila nilai jualan buku di Malaysia pada tahun 2011 dilaporkan meningkat kira-kira RM 3.8 bilion berbanding tahun sebelumnya (Bernama, 2013).

Hal yang demikian, penulis perlu menitikberatkan penerapan aspek kesantunan berbahasa dalam novel kerana secara tidak langsung kehidupan dan pandangan seseorang boleh berubah melalui pembacaan. Kajian dari Universiti Ohio State telah membuktikan bahawa watak dan perwatakan dalam novel fiksyen mampu mempengaruhi para pembaca sehingga dikatakan mengalami fenomena yang dinamakan *experience-taking* (Grabmeier, 2012). Oleh sebab itu, wajar bagi penulis menitikberatkan aspek kesantunan berbahasa dalam novel.

1.1 Permasalahan Kajian

Novel merupakan bahan bacaan yang menjadi pilihan pelbagai peringkat usia untuk mengisi masa yang terluang. Lambakan pelbagai jenis novel yang didasari dengan pelbagai tema sebenarnya menimbulkan persoalan tentang budaya penulisan yang berbeza-beza dalam kalangan penulis. Tambahan pula, golongan penulis sendiri terdiri daripada pelbagai bidang dan peringkat usia serta novel juga mempunyai sasaran pembaca yang berlainan. Meskipun tidak dinafikan wujudnya lesen puitika dalam penulisan kreatif, sekiranya berterusan menulis tanpa kesantunan bahasa, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang indah dan mempunyai tertibnya yang tersendiri akan tergugat.

Lambakan novel di pasaran dengan sasaran pembaca yang berbeza menimbulkan persoalan mengenai kesantunan bahasa setiap daripadanya. Sebagai contoh, novel *Chicklit* dan *Teenlit* yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kita terutamanya golongan remaja. Selain itu, kepesatan penerbitan buku di dalam negara telah membahagikan kelompok-kelompok penerbitan yang berbeza berdasarkan misi setiap badan penerbitan yang berbeza. Ada penerbitan yang membenarkan penggunaan kata kesat dalam penulisan karya mereka kerana kelompok ini mengutamakan idea yang ingin disampaikan oleh penulis berbanding bahasa yang digunakan. Begitu juga dengan penggunaan bahasa yang bercampur kod dalam karya-karya pada masa kini yang secara langsung mengabaikan kesantunan berbahasa.

Noriati A. Rashid (2005) menjelaskan orang Melayu turut melihat akan kepentingan nilai berbahasa. Nilai terhadap bahasa akan menentukan pula jenis bahasa seperti bahasa halus, bahasa kesat, bahasa kasar dan bahasa biadab. Malah, Novita Rihi Amalia (2010) turut menjelaskan bahasa merupakan elemen terpenting dalam sesebuah karya. Hal ini kerana bahasa ialah wadah pendedahan dan penyampaian mesej kepada para pembaca. Aspek kesantunan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam komunikasi lisan semata-mata, tetapi turut memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa

dalam bentuk tulisan (Sara Beden dan Indirawati Zahid, 2014).

Selain menjanjikan jalan cerita yang menarik, novel yang baik juga dibantu dengan gaya penulisan yang dikuasai oleh penulis termasuk kesantunan bahasa yang diketengahkan. Secara tidak langsung, mencerminkan keperibadian penulis yang teliti dalam memilih kata-kata serta mengutamakan budi bahasa.

1.2 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengkaji konsep kesantunan bahasa yang terdapat dalam novel *Lentera Mustika*. Secara khususnya, kajian ini bertujuan:

- i. Mengenal pasti maksim kesantunan yang digunakan oleh penulis dalam novel *Lentera Mustika* berdasarkan Prinsip Kesantunan yang dianjurkan oleh Leech.
- ii. Menjelaskan maksim kesantunan yang digunakan oleh penulis dalam dialog-dialog yang diwujudkan dalam novel *Lentera Mustika*.

2. SOROTAN LITERATUR

Kajian kesantunan berbahasa dalam novel telah banyak dijalankan di Indonesia. Contohnya, kajian Fitriyana (2007) yang bertujuan menjelaskan penggunaan strategi kesantunan dalam novel karya John Grisham, iaitu *The Client*. Hasil kajian mendapati bahawa John Grisham telah mengaplikasikan keempat-empat strategi kesantunan bahasa di dalam teori Tindakan Ancaman Muka (TAM) yang diperkenalkan oleh Brown dan Levinson iaitu kesantunan positif, kesantunan negatif, kesantunan tidak langsung dan kesantunan langsung tanpa basa-basi.

Seterusnya ialah kajian Murliati (2013) yang mengkaji strategi kesantunan yang digunakan oleh watak George Milton dalam novel *Mice and men* karya John Steinbeck. Kajian ini juga mengaplikasikan teori yang diperkenalkan oleh Brown dan Levinson, iaitu Tindakan Ancaman Muka (TAM). Hasil kajian menunjukkan penulis novel banyak menerapkan kesantunan langsung tanpa basa-basi pada George Milton apabila watak tersebut memerintah, dan kesantunan positif dan negatif apabila watak tersebut membuat saranan dan permintaan.

Walau bagaimanapun, kajian berkenaan kesantunan berbahasa di Malaysia lebih tertumpu kepada kesantunan dalam kalangan masyarakat. Noriati A. Rashid (2005) memperhalusi kesantunan berbahasa dari aspek sosiobudaya Melayu. Norhana Bakhary (2014) pula memperinci strategi kesantunan berbahasa dalam kata perbilangan adat pepatih. Kajian kesantunan berbahasa dalam novel pula masih terbatas. Namun begitu, kajian tersebut tertumpu kepada satu aspek kesantunan sahaja, iaitu meneliti penggantian perkataan tabu atau kasar kepada perkataan yang lebih sopan dan halus. Antara pengkaji tempatan yang telah menjalankan kajian tersebut ialah Noor Hatini dan Siti Saniah (2011). Teori yang diaplikasikan ialah teori kesantunan Leech tetapi pengkaji hanya menumpukan maksim santun. Hasil kajian menunjukkan novel *Azfa Hanani* lebih banyak menggunakan eufemisme, iaitu 57.1% berbanding novel *Papa* sebanyak 42.9%. Walau bagaimanapun, sebanyak 11 unsur eufemisme pada novel *Papa* yang menepati maksim santun Leech berbanding novel *Azfa Hanani* sebanyak 6 unsur eufemisme. Mukhtahir, sarjana tempatan iaitu Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014a, 2014b, 2015) banyak menghasilkan kajian kesantunan terhadap sebuah teks Komponen Sastera (KOMSAS) iaitu novel *Melunas Rindu*.

3. PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan Prinsip Kesantunan Leech (PKL) yang telah diperkenalkan pada tahun 1983 oleh Geoffrey Leech (Lancaster University, 2013). Terdapat enam maksim yang dikemukakan oleh Leech, iaitu maksim santun, kedermawanan, sokongan, merendah diri, persetujuan dan simpati (Leech, 2005). Jadual berikut merupakan penjelasan bagi maksim-maksim tersebut.

Jadual 1: Maksim kesantunan Leech.

Maksim	Penjelasan
Santun	Meminimumkan kerugian terhadap orang lain dan memaksimumkan keuntungan terhadap orang lain.
Kedermawanan	Meminimumkan keuntungan terhadap diri sendiri dan memaksimumkan kerugian terhadap diri sendiri.
Sokongan	Maksim ini berorientasikan orang lain iaitu lawan bicara dengan meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian.
Merendah diri	Maksim ini pula berorientasikan diri sendiri dengan meminimumkan pujian dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.
Persetujuan	Maksim persetujuan berlaku apabila perbalahan antara diri sendiri dan orang lain diminimumkan serta memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain.
Simpati	Meminimumkan antipati antara diri sendiri dan orang lain dan memaksimumkan simpati antara penutur dan pihak lawan bicara.

(Sumber: Leech, G. (2005)

4. KAEADAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data novel. Hanya beberapa bab dalam novel dan sebahagian situasi yang mempunyai dialog dalam bab tersebut telah dipilih untuk dijadikan sebagai data. Kemudian, situasi tersebut dipaparkan dalam bentuk skrip dan data yang dianalisis dilabelkan seperti (AM/2/29), iaitu (akronim nama watak/bab/halaman) bagi memudahkan analisis dijalankan. Berikut merupakan contoh situasi:

Situasi 1: Kak Dahlia mengajak Ainur Mustika minum pagi di pantri

Kak Dahlia: Nak minum? Di pantri saja. Ada bawa bekal roti jala dari rumah. (KD/2/28)

Ainur Mustika: Rajinnya buat roti jala! Bertuahnya anak-anak Kak Dahl. Ibunya pandai masak

Data yang telah dikenal pasti dan diklasifikasi mengikut Prinsip Kesantunan Leech ditunjuk dalam bentuk jadual untuk memudah pengkaji membuat rujukan dan penerangan lanjutan mengenai maksim kesantunan yang terdapat dalam novel. Contohnya adalah seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Contoh analisis

Ujaran	Maksim
(KD/2/28)	Kedermawanan dan santun
(AM/2/29)	Sokongan
(KD/2/29)	Merendah diri

Petunjuk:

AM-Ainur Mustika KD-Kak Dahlia

5. DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menerangkan data yang telah dianalisis mengikut PKL yang digunakan untuk mencitrakan aspek kesantunan berbahasa dalam novel *Lentera Mustika*. Hasil kajian menunjukkan bahawa semua maksim PKL didapati dalam novel *Lentera Mustika*.

Situasi 1: Kak Dahlia mengajak Ainur Mustika minum pagi di pantri.

Kak Dahlia: Nak minum? Di pantri saja. Ada bawa bekal roti jala dari rumah. (KD/2/28)

Ainur Mustika: Rajinnya buat roti jala! Bertuahnya anak-anak Kak Dahl. Ibunya pandai masak.

Kak Dahlia: Asalkan mereka makan yang halal dan dapat jimat belanja, apa salahnya usaha lebih sedikit.

Ainur Mustika: Itulah saya katakan anak-anak itu bertuah. Belum tentu ada ibu-ibu lain dapat bangun awal untuk sediakan bekalan anak-anak ke sekolah. (AM/2/29)

Kak Dahlia: Lain orang, lain pula caranya. Lagipun, bukannya setiap hari aku bekalkan mereka tu. Ada masa tak rajinlah pula. (KD/2/29)

Jadual 4: *Analisis 1*

Ujaran	Maksim
(KD/2/28)	Kedermawanan dan santun
(AM/2/29)	Sokongan
(KD/2/29)	Merendah diri

Berdasarkan ujaran (KD/2/28), dikenal pasti bahawa maksim yang terlibat adalah kedermawanan, iaitu ditunjuk oleh watak Kak Dahlia. Dia tetap bermurah hati berkongsi roti jala yang dibekalnya dari rumah dengan Ainur Mustika walaupun tahu bahawa perbuatan tersebut akan merugikannya sendiri. Malah, dia tidak kisah sekiranya roti jala yang dibawa cepat habis jika dimakan berdua. Hal ini juga menunjuk wujudnya maksim santun kerana perbuatan berkongsi makanan memberi keuntungan kepada lawan tutur, iaitu Ainur Mustika.

Ujaran (AM/2/29) pula diklasifikasikan sebagai maksim sokongan. Ainur Mustika begitu kagum terhadap kerajinan dan kesungguhan Kak Dahlia dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang ibu. Perasaan kagum tersebut diekspresinya melalui pujian, iaitu dengan menyatakan bahawa anak-anak Kak Dahlia begitu bertuah kerana bukan semua ibu yang dapat bangun awal dan menyediakan bekalan untuk keluarga. Pujian tersebut secara tidak langsung menyokong bahawa Kak Dahlia memang merupakan seorang ibu yang rajin.

Walau bagaimanapun, Kak Dahlia menafi pujian Ainur Mustika dengan memberitahu bahawa setiap orang berbeza-beza caranya dalam menjaga anak-anak dan turut memberitahu bahawa ada waktu dia juga agak malas hendak menyiapkan bekalan tersebut. Perbuatan menafi tersebut, iaitu ujaran (KD/2/29) membuktikan Kak Dahlia tidak berbangga diri dan maksim yang terlibat adalah merendah diri, iaitu memminimum pujian dan memaksimum cacian terhadap diri sendiri.

Situasi 2: Pertemuan Ainur Mustika bersama-sama Emir Johan dan anak angkatnya, Eliza Jasmin di sebuah restoran untuk membincangkan masa hadapan mereka.

Ainur Mustika: Bolehkan, kalau saya tak menggunakan nama E-Jay? Saya suka nama Jasmin.

Eliza Jasmin: Boleh. Tak jadi hal. Ada sesetengah orang yang mempunyai set nama tertentu. Dengan kawan-kawan di sekolah, mereka panggil E-Jay. Papa pun suka panggil E-Jay. Tapi kalau sesekali dia panggil ‘Eliza Jasmin’, hah, saya cari nahas kalau saya tidak segera datang!” (EJ/20/207)

Emir Johan: Jadi E-Jay mahu panggil Ainur dengan panggilan yang bagaimana, ya?

Eliza Jasmin: Saya pula sukakan nama Mustika itu. Kalau diizinkan, bolehkah saya memanggil ‘Ibu Mustika’? (EJ/20/208)

Ainur Mustika: Jasmin, itu suatu penghormatan yang lebih tinggi daripada segala gelaran akademik yang saya ada. Terima kasih. Insya-Allah, sama-sama kita berusaha melangsungkan ukhuwah ini.

Jadual 5: Analisis 2

Data	Maksim
(EJ/20/207)	Persetujuan
(EJ/20/208)	Santun dan sokongan

Ujaran (EJ/20/207) diklasifikasi sebagai maksim persetujuan. Hal ini kerana Eliza Jasmin tidak kisah dan membenarkan Ainur Mustika memanggilnya Jasmin. Peristiwa ini sekali gus menunjukkan Eliza Jasmin merupakan seorang watak remaja perempuan yang bersikap terbuka. Tambahan, persetujuan Eliza Jasmin membenarkan Ainur Mustika memanggilnya Jasmin merapatkan lagi hubungan antara mereka berdua.

Pada ujaran (EJ/20/208) pula, maksim yang terlibat adalah sokongan kerana menyatakan rasa suka terhadap sesuatu merupakan pujian dan sebuah penghormatan kepada lawan tutur. Eliza Jasmin memapar minatnya terhadap nama Mustika melalui penggunaan perkataan *suka* dan seterusnya, meminta izin untuk memanggil Ainur Mustika sebagai ‘Ibu Mustika’. Permintaan tersebut secara tidak langsung menunjuk bahawa Eliza Jasmin dapat menerima kehadiran Ainur Mustika dalam hidup Emir Johan dan dirinya sendiri. Selain itu, maksim santun dapat dilihat melalui cara Eliza Jasmin mengajukan soalan kepada Ainur Mustika dengan penuh adab.

Situasi 3: Amran berkeras menawarkan bantuan selepas dia mencederakan Emir Johan agar Ainur Mustika membatalkan hasrat untuk memanggil polis.

Amran: Tolonglah. Maafkan saya. Biarlah saya hantarkan Encik Johan ke klinik. Kos rawatannya juga biar saya yang bayar. (A/35/363)

Situasi 4: Emir Johan menyatakan kepada Ainur Mustika bahawa dia ingin mewasiatkan sebahagian harta kepada Eliza Jasmin.

Ainur Mustika: Apa perlunya surat wasiat?

Emir Johan: Sebagai anak angkat, E-Jay tidak layak mewarisi harta abang ataupun harta kita. Malah dia tidak akan dapat apa-apa pun tanpa sebarang surat cara yang khusus. Tidak pula akan mendapat hak melalui faraid kerana dia tiada pertalian darah dengan sesiapa. (EJo/36/380)

Ainur Mustika: (Diam)

Emir Johan: Tentulah zalim kalau memelihara seorang anak yatim tetapi kebijakannya selepas kita tiada tidak pula dipastikan. Tuhan mahu memberikan peringatan kepada abang...

Jadual 6: Analisis 3

Data	Maksim
(A/35/363)	Kedermawanan
(EJo/36/380)	Simpati

Dalam ujaran (A/35/363), dapat diklasifikasikan sebagai maksim kedermawanan. Amran bersungguh-sungguh mahu menghantar mereka ke klinik. Malah, Amran meminta agar kos rawatan Emir Johan turut ditanggung olehnya. Walaupun hal tersebut memberi kerugian terhadap Amran dari segi kewangan, dia tetap mahu bertanggungjawab terhadap kesalahan yang telah dilakukan olehnya sendiri. Penggunaan kata penegas seperti parikel –lah pada perkataan *tolong*, *biar* dan *juga* turut menunjukkan dia sangat menyesal terhadap perbuatannya.

Dalam ujaran (EJo/36/380), Emir Johan berkongsi informasi kepada Ainur Mustika mengenai pembahagian harta yang telah ditetapkan dalam undang-undang Islam, iaitu anak angkat tidak layak menerima harta yang dibahagikan secara faraid. Oleh sebab itu, Emir Johan ingin membuat wasiat bagi membela nasib dan menjaga kebijakan anak angkatnya, Eliza Jasmin pada masa akan datang. Bak peribahasa, sediakan payung sebelum hujan. Setidak-tidaknya kebijakan Eliza Jasmin tetap terjaga walaupun setelah mereka tiada suatu masa kelak. Melalui peristiwa ini, ujaran tersebut dapat diklasifikasikan sebagai maksim simpati.

6. KESIMPULAN

Berdasar kajian yang telah dijalankan, dapat dilihat bahawa aspek kesantunan bahasa sangat dititikberatkan dalam *Lentera Mustika*. Keindahan bahasa Melayu tidak mampu dinafikan dan penulis mengetengahkan melalui novel dan secara tidak langsung mendidik pembaca untuk lebih mendekati bahasa ibunda. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, novel *Lentera Mustika* turut mengaplikasikan Prinsip Kesantunan Leech dalam dialog-dialog yang diwujudkan dalam novel ini. Tuntasnya, novel yang asalnya berdiri sebagai medium bahan bacaan mampu mendidik serta mendorong pembaca menggunakan bahasa yang santun dalam kehidupan sehari-hari.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernama. (2013). *KPKK sedia bantu penggiat buku pasar buku berkualiti ke luar negara*. Diakses daripada Bernama: Bhd.
- Dina Rofiatun Ni'mah (2009). *Maxims of Politeness Principle Found in "The Prince and Me" Movie*. Diakses daripada <http://lib.uin-malang.ac.id/thesis/fullchapter/05320135-dina-rofiatun-ni-mah.ps>
- Faridah Nazir, Ratna Laila Shahidin, & Faiziah Shamsudin.(2014). *Kesantunan rakyat Malaysia*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Fitriyana, Y. (2007). *Politeness strategies in John Grisham's novel "The Client"*. Tesis Sarjana Muda. Fakultas Humaniora Dan Budaya
- Grabmeier, J. (2012). *"Losing yourself" in a fictional character can affect your real life*. Diakses daripada Research and Innovation Communications: <http://researchnews.osu.edu/archive/exptaking.htm>
- http://web6.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=925352
- Lancaster University. (2013). *Professor Geoffrey Leech*. Diakses daripada Department of Linguistic and English Language: <http://www.ling.lancs.ac.uk/profiles/geoffrey-leech>
- Leech, G. (2005). Politeness: Is there an East-Western divide? *Journal of Foreign Language*, 1-30.
- Murliati, Y. (2013). *Politeness strategies used by George Milton in John Steinbeck's of Mice and Men*. Tesis Sarjana Muda. Fakultas Adab dan Ilmu Budaya
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2012). *Tatabahasa Dewan* (edisi 3.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nisah Haron. (2009). *Lentera Mustika*. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama Sdn.
- Noor Hatini Zolkifli, & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel *Papa dan Azfa Hanani*. *Jurnal Bahasa*, 11 (1), 83-108.
- Norhana Bakhary. (2014). Strategi kesantunan berbahasa masyarakat Adat Perpatih dalam kata perbilangan. *Jurnal Bahasa*. 14(2), 239-271.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. 15. 232-253
- Novita Rihi Amalia (2010). *Analisis gaya bahasa dan nilai-nilai pendidikan novel Sang Pemimpin karya Andrea Hirata*. Diakses daripada <https://core.ac.uk/download/files/478/12348731.pdf>
- Sara Beden, & Indirawati Zahid. (2014a). Analisis kesopanan berbahasa dalam komponen sastera (Komsas): Melunas Rindu. *Jurnal Isu dalam Pendidikan*, 38(2), 235-246.
- Sara Beden, & Indirawati Zahid. (2014b). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi Struktur dan Pola Kesopanan Bahasa dalam Peristiwa Melunas Rindu. *Jurnal JATI (Journal of Southeast Asean Studies)*, 19, 151-168.
- Sara Beden, & Indirawati Zahid. (2015). Analisis kesopanan bahasa dalam novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech (1983) & Grice (1975) dan kaitannya dengan sosiobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 143-172.
- Searle, J. R. (1976). A classification of illocutionary acts. *Language in society*, 5 (1), 1-23.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012). Kesantunan dan strategi berbahasa dalam konteks pendidikan. Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Maslida Yusof, *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (p. 63-81). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.